

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

## Akta 74

### AKTA (PERBADANAN) ST. JOHN AMBULANS MALAYSIA 1972

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006*

DITERBITKAN OLEH  
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA  
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968  
SECARA USAHA SAMA DENGAN MALAYAN LAW JOURNAL SDN BHD  
DAN PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD  
**2006**

2

## AKTA (PERBADANAN) ST. JOHN AMBULANS MALAYSIA 1972

Tarikh Perkenan Diraja ... .. 23 Mac 1972

Tarikh penyiaran dalam *Warta*... .. 30 Mac 1972

### *CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU*

*Cetakan Semula Yang Pertama* ... .. 1994

*Cetakan Semula Yang Kedua* ... .. 1999



DISEDIAKAN UNTUK PENERBITAN OLEH  
MALAYAN LAW JOURNAL SDN BHD  
DAN DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN KUALA LUMPUR  
2006



## UNDANG-UNDANG MALAYSIA




### Akta 74

### AKTA (PERBADANAN) ST. JOHN AMBULANS MALAYSIA 1972

#### SUSUNAN SEKSYEN

#### Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Perbadanan Persatuan dan Briged St. John bagi Malaya, Sabah dan Sarawak
4. Tujuan Perbadanan
5. Tujuan dan maksud Perbadanan
6. Majlis
7. Meterai perbadanan bagi Perbadanan
8. Daftar ahli
9. Kaedah-kaedah
10. Pembubaran Persatuan dan Briged
11. Pindah hakmilik harta dan tanggungan, dsb.
12. Penggunaan pendapatan dan harta
13. Sekatan ke atas penjualan lencana, dsb., Perbadanan
14. Pemilikan dan sekatan ke atas penggunaan lencana
15. Sekatan ke atas penggunaan "St. John", dsb., untuk maksud iklan
16. Penalti



## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 74

### AKTA (PERBADANAN) ST. JOHN AMBULANS MALAYSIA 1972

Suatu Akta bagi memperbadankan St. John Ambulans Malaysia dan bagi maksud yang berkenaan dengannya.

[31 Ogos 1972, P.U.(A)247/1972]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya seperti yang berikut:

#### Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta (Perbadanan) St. John Ambulans Malaysia 1972.

#### Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Briged” ertinya Briged St. John Ambulans Semenanjung Malaysia, Sabah atau Sarawak;

“Majlis” ertinya Majlis St. John Ambulans Malaysia yang ditubuhkan di bawah Kaedah-kaedahnya;

“Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi kesihatan;

“Perbadanan” ertinya St. John Ambulans Malaysia; dan

“Persatuan” ertinya Persatuan St. John Ambulans Semenanjung Malaysia, Sabah atau Sarawak.

**Pemerbadanan Persatuan dan Briged St. John bagi Malaya, Sabah dan Sarawak**

3. (1) Orang yang menjadi ahli Persatuan atau ahli Briged atau ahli Persatuan dan Briged kedua-duanya sebaik sebelum Akta ini mula berkuat kuasa dan semua orang yang menjadi ahli Perbadanan selepas ini menurut peruntukan Akta ini atau mana-mana Kaedah yang dibuat di bawahnya hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan dengan nama St. John Ambulans Malaysia.

(2) Perbadanan hendaklah kekal turun-temurun dan boleh membuat kontrak, dan boleh memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih dan boleh memindahhakkan, memindahkan hakmilik, menyerahhakkan, menyerahkan balik dan memulangkan, menggadaikan, menggadai janji, mendemis, menyerahhakkan semula atau dengan cara lain melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai apa-apa harta alih atau harta tak alih yang terletak hak pada Perbadanan mengikut apa-apa terma yang difikirkan patut oleh Perbadanan.

(3) Perbadanan boleh mendakwa dan didakwa dalam semua mahkamah dan dengan segala cara tindakan dan dalam segala guaman dan boleh melakukan segala perkara dan benda lain yang bersampingan atau berkenaan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan.

**Tujuan Perbadanan**

4. Tujuan Perbadanan adalah untuk mengadakan suatu pertubuhan yang terbuka kepada semua orang dalam Malaysia bagi membolehkan mereka melaksanakan tujuan dan maksud Perbadanan yang disebut dalam seksyen 5, dan bagi melakukan segala perkara lain sebagaimana yang disifatkan oleh Perbadanan atau Majlisnya sebagai bersampingan atau berfaedah bagi mencapai tujuan itu.

**Tujuan dan maksud Perbadanan**

5. Tujuan dan maksud Perbadanan adalah bagi—

- (a) menggalakkan dan memajukan semua kerja kemanusiaan dan kedermawanan untuk membantu

*(Perbadanan) St. John Ambulans Malaysia* 7

orang yang dalam kesakitan, kesengsaraan, penderitaan dan bahaya tanpa membeza-bezakan bangsa, kelas, warna atau kepercayaan;

- (b) memberikan pertolongan kepada orang yang sakit dan cedera semasa peperangan atau keamanan dan memajukan pertubuhan kekal dalam masa keamanan supaya pertolongan itu dapat diadakan dengan segera dalam masa kecemasan dan pertolongan itu hendaklah termasuk mengadakan simpanan teknikal bagi perkhidmatan perubatan Kerajaan dan angkatan tentera Malaysia;
- (c) memajukan, menggalakkan dan menyelaraskan kerja Perbadanan dalam semua aspek di Malaysia; dan
- (d) memajukan, menggalakkan dan menyelaraskan perhubungan antara mereka dengan pertubuhan seumpamanya yang bernama St. John di negara lain, Pertubuhan Palang Merah dan pertubuhan sukarela atau berkanun seumpamanya yang lain.

**Majlis**

6. (1) Hal ehwal Perbadanan hendaklah ditadbirkan oleh suatu Majlis yang ditubuhkan menurut Kaedah-kaedah Perbadanan pada masa itu.

(2) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), Majlis St. John Semenanjung Malaysia yang ditubuhkan di bawah Perlembagaan dan Kaedah-kaedah Persatuan dan Briged sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah mentadbirkan hal ehwal Perbadanan selama tempoh tidak melebihi satu tahun dari permulaan kuat kuasa Akta ini dan hendaklah disifatkan sebagai Majlis mengikut pengertian Akta ini.

**Meterai perbadanan bagi Perbadanan**

7. (1) Perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu mengikut sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan.

(2) Segala surat ikatan, suratan dan surat cara lain yang memerlukan meterai Perbadanan hendaklah dimeteraikan dengan meterai Perbadanan menurut suatu ketetapan Majlis bagi maksud itu di hadapan orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan Pengerusi Majlis dan di hadapan seorang lain yang diberi kuasa oleh Majlis dan mereka hendaklah menandatangani tiap-tiap surat ikatan, suratan atau surat cara lain yang dimeteraikan itu, dan tandatangan itu hendaklah menjadi keterangan yang cukup bahawa meterai itu telah dicapkan dengan sempurna dan sepatutnya dan bahawa meterai itu adalah meterai Perbadanan yang sah.

### **Daftar ahli**

**8.** (1) Majlis hendaklah menyebabkan supaya disenggarakan suatu daftar yang dalamnya nama tiap-tiap orang yang telah menjadi ahli Persatuan atau Briged sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini atau sesiapa yang dibenarkan menjadi ahli Perbadanan kemudiannya akan direkodkan dan yang dalamnya akan direkodkan apa-apa perkara lain yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Majlis.

(2) Daftar itu boleh disenggarakan mengikut apa-apa cara yang diputuskan oleh Majlis dari semasa ke semasa dan kewajipan menyenggarakan bahagian daftar itu boleh diwakilkan kepada mana-mana ahli atau pegawai Perbadanan.

### **Kaedah-kaedah**

**9.** Adalah sah bagi Majlis dari semasa ke semasa untuk membuat, mengubah atau membatalkan mana-mana kaedah sebagaimana yang difikirkannya suai manfaat bagi menguruskan hal ehwal Perbadanan dan bagi mencapai tujuannya, dan sesiapa jua yang pada masa itu menjadi ahli Perbadanan adalah terikat kepada segala kaedah itu.

### **Pembubaran Persatuan dan Briged**

**10.** Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Perlembagaan dan Kaedah-kaedah Persatuan dan Briged, Persatuan dan Briged hendaklah dibubarkan dan terhenti wujud sebaik selepas permulaan kuat kuasa Akta ini.



**Pindah hakmilik harta dan tanggungan, dsb.**

**11.** (1) Segala harta kepunyaan Persatuan atau Briged sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini, sama ada dipegang atas nama Persatuan atau Briged atau atas nama mana-mana orang sebagai amanah bagi Persatuan atau Briged hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Akta ini dan tanpa apa-apa pindah hak, serah hak atau pindah hakmilik, terletak hak pada Perbadanan, dan harta tersebut serta segala harta yang diperolehi kemudiannya sama ada harta alih atau harta tak alih, dan segala yuran, caruman, derma, denda, jumlah pinjaman dan pendahuluan yang diterima atau yang akan diterima hendaklah dipegang oleh Perbadanan bagi maksud Akta ini dan tertakluk kepada Kaedah-kaedah Perbadanan pada masa itu.

(2) Segala hutang dan tanggungan Persatuan atau Briged yang sedia ada sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah dibayar oleh Perbadanan, dan segala hutang dan yuran yang kena dibayar kepada Persatuan atau Briged sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah dibayar kepada Perbadanan.

**Penggunaan pendapatan dan harta**

**12.** Pendapatan dan harta Perbadanan, walau dari mana jua pun didapati, hendaklah digunakan semata-mata bagi memajukan tujuan Perbadanan sebagaimana yang disebut dalam Akta ini, dan tiada apa-apa bahagiannya boleh dibayar atau dipindahkan hakmiliknya dengan cara langsung atau tidak langsung sebagai dividen, bonus atau dengan cara apa jua pun sebagai keuntungan kepada ahli Perbadanan:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini boleh menghalang pembayaran dengan suci hati saraan kepada mana-mana pegawai atau penjawat Perbadanan atau kepada mana-mana orang sebagai balasan bagi apa-apa perkhidmatan yang sebenarnya diberikan kepada Perbadanan.

**Sekatan ke atas penjualan lencana, dsb., Perbadanan**

**13.** Tiada seorang pun, selain Perbadanan atau seseorang yang diberi kuasa dengan bertulis untuk berbuat demikian oleh Perbadanan, boleh menjual atau mempamerkan untuk dijual apa-apa lencana, tanda atau lambang yang diterima secara khusus

untuk kegunaan seseorang ahli di bawah Kaedah-kaedah Perbadanan.

### **Pemilikan dan sekatan ke atas penggunaan lencana**

**14.** (1) Tiada seorang pun, yang bukan seorang ahli, boleh memakai, membawa atau menunjukkan di tempat awam dengan cara yang akan memberikan tanggapan bahawa orang itu ialah seorang ahli, apa-apa lencana, tanda atau lambang yang diterima secara khusus untuk kegunaan seseorang ahli di bawah Kaedah-kaedah Perbadanan.

(2) Tiada seorang pun boleh memiliki tanpa kuasa atau sebab yang sah—

- (a) apa-apa tanda yang hampir-hampir serupa dengan mana-mana lencana, tanda atau lambang yang diterima secara khusus untuk kegunaan seseorang ahli di bawah Kaedah-kaedah Perbadanan sehingga membawa kepercayaan bahawa tanda yang berkenaan itu ialah lencana, tanda atau lambang tersebut;
- (b) apa-apa lencana, tanda atau lambang yang mengandungi apa-apa perkataan atau tulisan yang hampir-hampir sama dengan mana-mana perkataan atau tulisan yang biasanya digunakan bagi memperihalkan mana-mana ahli sehingga boleh memperdayakan atau mengelirukan; atau
- (c) apa-apa lencana, tanda atau lambang yang mengandungi perkataan “St. John” atau “St. John Ambulans”.

### **Sekatan ke atas penggunaan “St. John”, dsb., untuk maksud iklan**

**15.** Tiada seorang pun, selain Perbadanan atau orang yang diberi kuasa dengan bertulis untuk berbuat demikian oleh Perbadanan, boleh menggunakan perkataan “St. John” atau “St. John Ambulans” atau apa-apa lencana, tanda atau lambang Perbadanan untuk maksud iklan.

**Penalti**

**16.** Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Akta ini adalah melakukan suatu kesalahan, dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ratus ringgit.

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 74**

**AKTA (PERBADANAN) ST. JOHN AMBULANS  
MALAYSIA 1972**

**SENARAI PINDAAN**

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A230	Akta (Perbadanan) St. John Ambulans Malaysia (Pindaan) 1974	31-08-1972
Akta 160	Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975	29-08-1975

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 74**

**AKTA (PERBADANAN) ST. JOHN AMBULANS  
MALAYSIA 1972**

**SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
6	Akta A230	31-08-1972
16	Akta 160	29-08-1975

---